



Cintan® Peraduan 'HIDUP MALAM, HIDUP CINTAN®'

Terma dan Syarat

1. Penganjur dan Kelayakan

- 1.1 Cintan® 'HIDUP MALAM, HIDUP CINTAN®' ("Peraduan") dianjurkan oleh Yeo Hiap Seng Trading Sdn. Bhd("Penganjur")
- 1.2 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap Malaysia (setiap satu "Peserta" dan secara kolektif "Peserta") yang berumur 18 tahun ke atas dengan nombor pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) setakat 1 Januari 2024, kecuali mereka yang dinyatakan dalam perenggan 1.3 di bawah. Penganjur berhak meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan mengesahkan identiti Peserta.
- 1.3 Berikut adalah golongan yang tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -
 - a) Pekerja-pekerja Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka);
 - b) Wakil, pekerja, kakitangan dan/atau ejen penyedia perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi Penganjur (termasuk syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka).

2. Tempoh Peraduan

- 2.1. Peraduan ini akan bermula dari **1 November 2024 pada 00:00:00 sehingga 31 Disember 2024 pada 23:59:59 ("Tempoh Peraduan")**. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Melainkan jika diubah sebaliknya oleh Penganjur, sebarang penyertaan dalam Peraduan akan dikawal oleh Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini yang akan sentiasa kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya. Sebarang penyertaan yang diterima sebelum pembukaan atau selepas penutupan pertandingan akan dibatalkan secara automatic

3. Cara Menyertai

- 3.1 Untuk mengambil bahagian, Peserta yang Layak mesti mematuhi setiap perkara berikut:-

Langkah 1:

Peserta perlu membeli mana-mana produk Cintan® dalam dalam satu resit sepanjang Tempoh Peraduan. (Satu resit = satu penyertaan)

Produk yang dibeli dan harga mesti dipaparkan dengan jelas pada Resit / Invois Rasmi outlet dengan Tarikh Pembelian yang dinyatakan dalam tempoh peraduan ("Bukti Pembelian").

Langkah 2:

Peserta perlu menghantar Bukti Pembelian bersama Nama Penuh (seperti dalam MyKad) dan Nombor NRIC melalui nombor WhatsApp rasmi peraduan 011-2085 4049.

Catatan:

- a) Peserta mesti menyimpan resit asal untuk pengesahan pemenang dan tujuan penebusan hadiah.
- b) Semua pembelian mesti dibuat dalam Tempoh Peraduan. Sebarang pembelian yang dibuat sebelum atau selepas Tempoh Peraduan tidak akan layak.
- c) Semua peserta dikehendaki memberikan maklumat seperti berikut semasa menghantar penyertaan:
 - i. Nama Penuh seperti dalam MyKad
 - ii. Nombor MyKad / MyPR
 - iii. Peraduan ini adalah dianjurkan oleh jenama CINTAN®. Betul atau salah?
 - iv. Gambar Resit / Invois Pembelian Rasmi sebagai bukti (Resit tulisan tangan tidak diterima)
- d) Jenis resit yang diterima termasuk:
 - o Resit Cetak dari kedai fizikal
 - o E-resit (invois) dari pembelian dalam talian di Shopee & Lazada Store, Foodpanda, Grab Mart, AEON Online, Lotus's Online sahaja.
- e) Maklumat berikut mesti dipaparkan dengan jelas pada resit / invois pembelian:
 - o Produk yang dibeli dan harga
 - o Tarikh Pembelian
 - o Nama Kedai Bercetak / Cop Kedai
 - o Nombor Resit / Invois
 - o Alamat Penghantaran (Untuk E-resit sahaja)
- f) Setiap resit dengan pembelian mana-mana produk CINTAN® adalah bersamaan dengan SATU (1) penyertaan.
- g) Setiap resit hanya layak untuk satu kali penggunaan sahaja. Penyertaan yang menggunakan resit yang sama berulang akan dibatalkan.
- h) Tiada had kepada jumlah penyertaan peraduan yang boleh dihantar selagi dipenuhi sepanjang Tempoh Peraduan.
- i) Penyertaan berikut akan dibatalkan dan/ atau dilucutkan:
 - i) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, pendua, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - ii) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau

peraturan.

- iii) Menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- iv) Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- v) Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

4 Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang

4.1 Syarat-syarat Penyertaan:

- 4.1.1 Setiap penyertaan mesti dihantar melalui nombor WhatsApp rasmi peraduan yang diberikan.
- 4.1.2 Pemenang akan dipilih secara rawak atas budi bicara mutlak Penganjur dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kaedah Penyertaan.
- 4.1.3 SATU(1) Peserta dengan SATU (1) nombor I/C layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah sahaja.
- 4.1.4 Semua penyertaan mesti lengkap dan mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik.
- 4.1.5 Jika terdapat resit yang sama dihantar oleh 2 peserta / nombor WhatsApp yang berbeza, Penganjur hanya akan merekodkan penebusan yang pertama layak berdasarkan masa penghantaran. Penghantaran kedua peserta yang sama resit akan dianggap sebagai resit tidak sah.
- 4.1.6 Peserta boleh menghantar banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah dalam peraduan ini sahaja.

4.2 Hadiah peraduan ini seperti berikut:

- Hadiah Utama: 11-inch iPad Air Wi-Fi 256GB x1 Pemenang
- Hadiah Kedua: Sony Headphones x1 Pemenang
- Hadiah Ketiga: Nintendo Switch Lite x1 Pemenang

4.3 Komunikasi Kepada Pemenang:

- 4.3.1 Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui WhatsApp dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari pengumuman pemenang.
- 4.3.2 Sekiranya pemenang gagal menghubungi semula Penganjur dengan maklumat yang diminta dalam tempoh 3 hari, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan peserta.

Penganjur tidak akan bertanggungjawab jika pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab dan nombor telefon yang salah diberikan semasa tempoh peraduan.

4.4 Pengumuman Pemenang:

Nama pemenang akan diumumkan melalui saluran media sosial penganjur seperti di bawah dalam tempoh 14 hari selepas tempoh peraduan.

(i) Yeo's Laman Web Kempen

(ii) Yeo's Malaysia Facebook & or Instagram Account

5. Hadiah

5.1 Pemenang hadiah akan menerima Hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas hari pengumuman.

5.2 Sekiranya berlaku sebarang kelewatan penghantaran disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka atau sebarang situasi di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak untuk mengatur penghantaran hadiah kepada Pemenang Peraduan dengan cara yang sesuai.

5.3 Pemenang- pemenang mesti memberikan nombor telefon bimbit yang dapat menghubungi. Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah pemenang jika hadiah tidak dapat dihantarkan disebabkan oleh isu pemenang (seperti: nombor telefon bimbit yang diberikan tidak berhubung, alamat penghantaran tidak betul dan lain-lain).

5.4 Penganjur tidak akan bertanggungjawab jika pemenang tidak menerima Hadiah disebabkan oleh kecuaiannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: pemenang memberikan alamat yang salah, nombor telefon bimbit yang diberikan tidak dan lain-lain.

Pemenang-pemenang akan menerima atau menuntut hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas peraduan tamat.

5.5 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan tuntutan hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

5.6 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur

5.7 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

5.8 Semua Hadiah mesti diambil merujuk kepada dan mungkin tertakluk kepada Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

5.9 Hadiah diberikan berasaskan kepada "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama

sekali tidak memberi sebarang jaminan mahu pun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

- 5.10 Keputusan Penganjur berkenaan pemilihan pemenang adalah muktamad, konklusif, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat atau pertikaian tidak akan dilayan.

6. Liabiliti & Tanggungjawab

- 6.1. Penganjur, syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat-syarikat yang bersekutu dengannya, serta agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Peraduan, tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian (termasuk, tanpa had, kerugian tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang dialami atau ditanggung (sama ada akibat kecuaiannya mana-mana pihak atau tidak) yang berpunca daripada penyertaan mana-mana peserta dalam Peraduan, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan oleh undang-undang (dalam hal ini, liabiliti tersebut terhad kepada had minimum yang dibenarkan oleh undang-undang).
- 6.2. Dengan menyertai Peraduan, semua Peserta Layak bersetuju untuk mempertahankan, memberi ganti rugi, dan melepaskan Penganjur daripada sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, dan perbelanjaan, termasuk yuran guaman yang munasabah yang mungkin timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

7. Hak Penganjur

- 7.1. Semua penyertaan akan menjadi hak milik Penganjur dan Peserta Layak tidak boleh menuntut, menggunakan, atau mengeksploitasi penyertaan tersebut untuk sebarang tujuan dengan apa-apa cara pada bila-bila masa. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta Layak bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar Peserta Layak dan/atau pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa bayaran atau pemberitahuan terlebih dahulu, dan selanjutnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Layak dan/atau pemenang mengetepikan semua hak yang berkaitan dengan imej yang mereka telah hantar untuk peraduan tersebut. Peserta Layak tidak berhak untuk menuntut hak milik atau bentuk pampasan lain ke atas bahan-bahan tersebut.
- 7.2. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami semua Terma dan Syarat Peraduan dan mereka bersetuju sepenuhnya dan tanpa syarat untuk terikat dengannya (seperti yang telah diubah atau diubahsuai). Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini jika perlu atas sebab-sebab undang-undang, teknikal atau komersial dan sebarang pindaan sedemikian akan berkuat kuasa setelah diposkan di laman web Peraduan. Sila periksa terma dan syarat ini secara berkala untuk melihat jika terdapat sebarang perubahan.

- 7.3. Penganjur berhak untuk mengubahsuai, menggantung, atau membatalkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu sekiranya Peraduan tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, gangguan, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, atau sebab-sebab lain yang di luar kawalan Penganjur, walaupun Penganjur telah melakukan yang terbaik.
- 7.4. Mana-mana terma dan syarat yang berkaitan dengan Peraduan yang menyalahi undang-undang, dilarang, atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan akan menjadi tidak berkesan setakat ketidakpatuhan tersebut tanpa menjejaskan peruntukan yang selebihnya.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”)

1. Dengan menyertai Peraduan, semua pemenang Peraduan bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan data peribadi mereka bagi tujuan pelaksanaan Peraduan dan untuk sebarang acara atau publisiti berkaitan Peraduan dalam apa jua bentuk atau melalui mana-mana media.
2. Semua pemenang mengakui penerimaan Notis PDPA oleh Penganjur seperti berikut:

NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

(NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010)

The Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as the “PDPA”), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to the YEO HIAP SENG TRADING SDN BHD (hereinafter referred to as “YHS”, “our”, “us” or “we”) as a data user. For the purposes of this written notice, the terms “personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the PDPA. *Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini disebut sebagai “PDPA”), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi untuk tujuan transaksi komersial, adalah terpakai terhadap YEO HIAP SENG TRADING SDN BHD (selepas ini disebut sebagai “YHS”, “kami” atau “kita”) sebagai pengguna data. Untuk tujuan Notis ini, terma-terma “data peribadi” dan “pemprosesan” akan mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan di dalam PDPA.*

1. This written notice (“Notice”) is issued by us and serves to inform you that your personal data is being processed by or on behalf of YHS. *Notis bertulis ini (“Notis”) bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak YHS.*
2. The personal data processed by us may include your name, national registration identity card number (NRIC no.), contact number, address, occupation, email address, bank account details and any other details that you have provided or may provide us with in the

documents as prescribed in paragraph 4 of this Notice or otherwise as well as all other details relating thereto.

Data peribadi yang diproses oleh kami termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat, pekerjaan, alamat e-mel, butiran akaun bank dan sebarang butiran-butiran lain anda, yang diberikan oleh anda dalam dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 4 Notis ini atau sebaliknya termasuklah sebarang butiran-butiran lain yang berkaitan dengannya.

3. We are processing your personal data, including any additional information you may subsequently provide, for the following purposes (“Purposes”):

- (a) running the above Contest;
- (b) announcing or publicizing the Contest and/or winners of the Contestor such other purposes as may be related to the foregoing.

Kami sedang memproses data peribadi anda, termasuklah sebarang maklumat tambahan yang anda mungkin berikan kemudian, untuk tujuan-tujuan berikut (“Tujuan-Tujuan”):

- (a) *mengendalikan Peraduan di atas;*
- (b) *mengumumkan atau menghebahkan Peraduan tersebut atau pemenang Peraduan tersebut; atau bagi tujuan-tujuan lain yang mungkin berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di atas.*

4. Your personal data is and will be collected from you and/or from the information you have provided in the documentation that you have provided to us, all application/registration forms that you have been asked to complete, together with any other information that we may obtain about you from oral or written communications.

Data peribadi anda yang diproses oleh kami merangkumi segala maklumat yang terkandung di dalam dokumentasi yang anda berikan kepada kami, semua borang permohonan/pendaftaran yang diminta anda lengkapkan, serta maklumat-maklumat lain tentang diri anda yang kami perolehi dari komunikasi lisan atau bertulis antara kita.

5. You may access and request for the correction of your personal data and to contact us with any enquiries or complaints in respect of your personal data as follows:

Designation of the contact person :	Contest Manager
Phone number :	+603 7886 5886

6. In accordance with the PDPA, we may refuse to comply with your request for access or correction to your personal data and if we refuse to comply with such request, we will inform you of our refusal and reason for our refusal. *Selaras dengan PDPA, kami mungkin menolak untuk memenuhi permintaan anda bagi akses atau pembetulan data peribadi anda, dan jika kami menolak untuk memenuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda tentang penolakan kami serta alasan penolakan tersebut.*

7. Your personal data may be disclosed to the subsidiaries or related companies of YHS (“YHS Group”) and any governmental and/or quasi-governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies if requested by them, our auditors, our banks, business partners and/or service providers and any other third party that you have requested or authorized us to disclose your personal data to for the above purposes or for any other purposes for which your personal data was to be disclosed at the time of its collection or any other purposes directly related to any of the above Purposes.
Data peribadi anda mungkin dizahirkan kepada anak-anak syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di bawah YHS (“YHS Group”) dan semua jabatan dan/atau agensi kerajaan dan/atau kuasi-kerajaan, badan-badan penguatkuasa dan/atau berkanun jika diminta oleh mereka, juru audit kami, bank-bank kami, rakan-rakan perniagaan dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan dan sebarang pihak ketiga yang lain yang mana anda telah minta atau memberikan kuasa kepada kami untuk menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau sebarang tujuan-tujuan yang mana data peribadi anda telah dizahirkan pada masa pengumpulannya atau untuk tujuan lain yang mempunyai hubungan secara langsung dengan mana-mana Tujuan-Tujuan yang dinyatakan di atas.

8. Your personal data may be transferred to a place outside Malaysia.
Data peribadi anda mungkin dihantar ke lokasi-lokasi di luar Malaysia.

9. You are responsible for ensuring that the personal data you provide us is accurate, complete and not misleading and that such personal data is kept up to date.
Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

10. If you fail to supply to us the abovementioned personal data, we may not be able to process your personal data for any of the Purposes and in the case of an application with us; we will not be able to consider your application.
Jika anda gagal untuk memberikan kepada kami data peribadi yang dinyatakan di atas, kami mungkin tidak boleh memproses data peribadi anda untuk sebarang Tujuan-Tujuan dan dalam perkara berkaitan dengan permohonan anda dengan kami, kami mungkin tidak dapat untuk mempertimbangkan permohonan anda.

11. In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.
Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia ke atas Notis ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

12. Without further reference to you, YHS or the Organiser may appoint the service of a third party agency as YHS or the Organiser’s authorized agent to collect and process all your personal data for the Purposes of the Contest. YHS or the Organiser will take all reasonable precautions to safeguard all personal data collected from the participants and will requires the authorized agent or third party processors collecting your personal data for the Purposes of the Contest to be stored in a secured manner.
Tanpa rujukan lanjut kepada anda, YHS atau Penganjur boleh melantik servis agensi pihak ketiga sebagai ejen sah bagi YHS atau Penganjur untuk mengumpul dan memproses kesemua data peribadi anda untuk Tujuan-Tujuan Kempen tersebut. YHS atau Penganjur akan mengambil semua langkah-langkah waspada yang munasabah untuk melindungi

kesemua data peribadi yang dikumpul daripada Peserta dan akan memastikan bahawa ejen sah atau pengendali pihak ketiga yang mengumpul data peribadi anda untuk Tujuan-Tujuan Kempen tersebut untuk disimpan dalam keadaan yang selamat.

13. All your personal data collected for the Purposes of the Contest shall be stored for a duration of one (1) year from the closing date of the Contest period (the “Duration”) unless there are requirements by other legal provisions. Upon expiry of the Duration your personal data intended to be stored, all your personal data collected for the Purposes of the Contest shall then be destroyed and/or disposed of in accordance with the PDPA.

Kesemua data peribadi anda yang dikumpul untuk Tujuan-Tujuan Kempen tersebut akan disimpan untuk satu tempoh selama satu (1) tahun dari tarikh akhir penyertaan Kempen tersebut (“Tempoh” tersebut) kecuali terdapat keperluan dari segi peruntukkan undang-undang lain. Selepas tamat Tempoh data peribadi anda yang ditujukan untuk disimpan, kesemua data peribadi anda yang dikumpul untuk Tujuan-Tujuan Kempen tersebut kemudiannya akan dimusnahkan dan/atau dilupuskan berdasarkan akta PDPA tersebut.